

**KEJOHANAN BADMINTON PIALA AHLI MAJLIS MBSP
TERTUTUP KEPALA BATAS 2024**

**ANJURAN PERSATUAN WAWASAN PULAU PINANG
DENGAN KERJASAMA PASOLA MALIKI FC DAN MPKK
PERMATANG LANGSAT**

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Kejohanan badminton ini merupakan pertandingan yang julung kali diadakan bagi menggalakkan amalan cara hidup sihat, semangat berpasukan dan mengukuhkan perpaduan di kalangan masyarakat terutamanya penduduk Kepala Batas.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Mengeratkan hubungan silaturrahim di antara peminat sukan Badminton.
- 2.2 Mendekatkan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan peminat sukan Badminton.
- 2.3 Menggalakkan budaya bersukan dan cara hidup sihat.
- 2.4 Menyediakan peluang dan ruang untuk peminat Badminton menguji kecekapan bermain dalam kejohanan yang mengumpulkan peminat sukan yang sama.

3.0 SYARAT DAN PERATURAN

PENGANJUR

Persatuan Wawasan Pulau Pinang dengan Kerjasama MPKK Permatang Langsat dan Pasola Maliki FC.

TARIKH PERTANDINGAN

Pertandingan akan dijalankan pada **10 Mac 2024** (Ahad) bermula pada jam 8.00 pagi dan dijangka tamat pada jam 5.30 petang.

TEMPAT PERTANDINGAN

Pertandingan akan dijalankan di lokasi berikut :

Kompleks Sukan Komuniti Pinang Tunggal,
Kementerian Belia & Sukan Malaysia
(Berhadapan Balai Bomba Udara)

UNDANG-UNDANG

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang sedang berkuatkuasa masa kini.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN DAN JADUAL PERLAWANAN

Tarikh tutup penyerahan borang penyertaan adalah pada **4 Mac 2024 (Isnin)**.
Pendaftaran dan pembayaran adalah secara atas talian.

Pengundian jadual perlawanan akan diadakan melalui aplikasi zoom pada 7 Mac 2024. Maklumat lanjut akan dikongsikan kepada peserta selepas pendaftaran ditutup

SEMUA PEMAIN DIKEHENDAKI MENYEMAK DENGAN TERPERINCI JADUAL PERLAWANAN MASING-MASING DAN SILA BERHUBUNG DENGAN PIHKUURUSETIA PERTANDINGAN DENGAN KADAR SEGERA SEKIRANYA TERDAPAT PERMASALAHAN ATAUPUN KETIDAKFAHAMAN JADUAL PERLAWANAN.

4.0 SYARAT – SYARAT PERTANDINGAN

Pertandingan adalah **TERTUTUP** kepada semua warganegara Malaysia yang **BERMASTAUTIN** di Kepala Batas, Pulau Pinang.

Yuran kejohanan telah ditetapkan pada kadar **RM80.00 untuk setiap regu**. Pembayaran perlu diselesaikan secara bersama ketika pendaftaran dibuat. Peserta yang berdaftar tetapi tidak membuat bayaran selepas tarikh tutup penyertaan akan dibatalkan penyertaan.

Penyertaan pula adalah terhad kepada **48 beregu sahaja**.

PEMAIN-PEMAIN YANG PERNAH MEWAKILI NEGARA, NEGERI DALAM KEJOHANAN SEPERTI SIRKIT KEBANGSAAN, MAKSAK, SUKMA, MASUM ATAUPUN APA-APA SAHAJA KEJOHANAN YANG DIIKTIRAF OLEH BAM DAN BWF ADALAH TIDAK LAYAK UNTUK MENYERTAI PERTANDINGAN.

Pertandingan ini akan dijalankan secara **SATU (1) KATEGORI** sahaja:

- i. Beregu Lelaki Tertutup

5.0 PERATURAN PERTANDINGAN

- 5.1 Format pertandingan akan dijalankan secara liga pada peringkat kumpulan dan seterusnya kalah singkir pada pusingan yang berikutnya. Taklimat lanjut berkenaan jadual liga akan diberikan ketika hari pengundian.
- 5.2 Perlawan peringkat awal akan dijalankan dengan kiraan mata 30 dan pada peringkat kalah singkir akan dijalankan berdasarkan kiraan mata BWF. Namun begitu sebarang pindaan ataupun perubahan akan dimaklumkan semula dan sebarang keputusan adalah muktamad.

6.0 PERLAWANAN

- 6.1 Semua perlawan akan dimulakan mengikut masa yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa pengelola pertandingan.
- 6.2 Setiap pemain dikehendaki berada di tempat permainan **LIMA BELAS MINIT** lebih awal dari masa yang dijadualkan. Penangguhan masa **LIMA BELAS MINIT** hanya akan diberi dan selepas penangguhan tersebut maka pengadil berkuasa memberi kemenangan percuma kepada pemain yang hadir mengikut jadual

- 6.3 Bulu Tangkis akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan dan keputusan adalah **MUKTAMAD**.
- 6.4 Jadual pertandingan boleh diubah sekiranya difikirkan perlu oleh Pengerusi Pertandingan. Setiap pemain adalah bertanggungjawab untuk memastikan perlawanan-perlawanan seterusnya dari Pengerusi Pertandingan.

7.0 BANTAHAN

- 7.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat 30 minit selepas perlawanan berkenaan tamat dengan wang cagaran sebanyak RM200.00 beserta bukti.
- 7.2 Wang cagaran akan dipulangkan semula sekiranya bantahan berjaya.
- 7.3 Panel bantahan akan diwakili oleh jawatankuasa penganjur dan tiga (3) orang wakil berkecuali yang akan ditentukan sendiri oleh pihak penganjur.

8.0 YURAN PENYERTAAN

- 8.1 Yuran penyertaan adalah seperti berikut:
 - i. Bergu Lelaki Tertutup (RM80.00)

9.0 TANGGUNGJAWAB PEMAIN

- 9.1 Pemain-pemain adalah bertanggungjawab untuk mematuhi segala syarat-syarat yang dikenakan bagi melicinkan perjalanan pertandingan ini.
- 9.2 Jawatankuasa pengelola pertandingan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan atau kecederaan atau kerugian para pemain sepanjang pertandingan ini.

10. HADIAH PERTANDINGAN

Johan	: Wang Tunai RM 1,200 + Piala
Naib Johan	: Wang Tunai RM 800 + Piala
Tempat ke-3	: Wang Tunai RM 400 + Piala
Tempat ke-4	: Wang Tunai RM 300 + Piala

Semua peserta yang tewas akan membawa pulang pingat sebagai cenderahati daripada penganjur.

SEBARANG PERTANYAAN ATAU MAKLUMAT LANJUT BOLEH HUBUNGI URUSETIA BERIKUT:

Zakir (016-481 3577) & Mizi (019-313 9050)